

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche
Hussein Onn berkenaan Belanjawan Pembangunan
Kementerian Pelajaran Tahun 1972 di-Dewan
Raayat pada

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menhadangkan supaya peruntokan sebanyak
\$113.4 juta di-bawah Kepala Pembangunan 18 dan 19 dalam Belanjawan
Persekutuan tahun 1972, menjadi sabahagian dari jadual.

2. Jumlah sebanyak \$113.4 juta ini melebihi peruntokan tahun
1971 sebanyak \$46.1 juta. Daripada \$113.4 juta ini, \$91.2 juta adalah
bagi Malaysia Barat, \$12.8 juta bagi Sabah dan \$9.4 juta bagi Sarawak.
Sabanyak \$100,000/= daripada jumlah yang di-peruntokkan bagi Sarawak
adalah berupa pinjaman kepada Majlis2 Tempatan untuk membena sekolah2.

3. Sabelum saya menerangkan rancangan2 bagi tahun 1972, izinkanlah
saya menyentoh dengan ringkas tentang kemajuan2 yang telah di-chapai dalam
melaksanakan rancangan2 pembangunan Kementerian Pelajaran bagi tahun
1971. Mula2 saya ingin menyentoh Malaysia Barat.

Malaysia Barat

4. Berhubung dengan sekolah2 rendah, mengikut kiraan bilangan
bilek2 darjah, 682 buah bilek darjah baharu telah di-sempurnakan.
Jumlah ini termasuk penggantian sekolah2 yang uzor di-luar bandar dan
penambahan kepada bilek2 darjah. Selain dari bilek2 darjah ini,
kemudahan2 lain seperti bekalan ayer dan letrik, kantin, tandas, pagar
dan padang permainan telah juga di-tambah atau di-adakan bagi sekolah2,
terutama sekolah2 di-luar bandar.

5. Berkenaan dengan sekolah2 menengah pula, Kementerian saya telah
menyiapkan sajumlah 529 bilek darjah, 194 ma'amal sains, 46 ma'amal
sains rumah tangga, 26 ma'amal seni perusahaan dan 42 buah bilek per-
pustakaan. 22 yunit rumah guru dan 3 asrama bagi penuntut2 dari luar
bandar telah juga di-siapkan.

6. Di-dalam lapangan latehan guru pula, ranchangan usaha yang telah di-jalankan ialah membena bilek2 kuliah di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras dan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Baharu. Sabuah workshop di-Maktab Perguruan Teknik, Cheras juga telah di-bena.

Sabah

7. Bagi negeri Sabah, sabanyak \$1.75 juta telah di-belanjakan untok meluaskan kemudahan2 pelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah dalam tahun 1971. Selain daripada itu, sajumlah \$200,000/- telah di-beri sebagai bantuan untok membuat kerja2 tambahan dan sambongan serta mengadakan keperluan2 lain bagi sekolah2 rendah dan sekolah2 menengah yang di-bantu oleh Kerajaan. Sabanyak 185 bilek darjah di-sekolah rendah dan 69 bilek darjah di-sekolah menengah, 18 ma'amal sains dan 51 rumah guru telah di-siapkan.

Sarawak

8. Berkenaan dengan Sarawak pula, sabanyak 75 bilek darjah untok sekolah2 rendah telah di-siapkan manakala bagi pelajaran menengah pula, 30 bilek darjah dan 2 ma'amal sains telah di-sempurnakan.

Sekianlah dengan ringkas-nya kemajuan2 yang telah di-chapai setakat ini dalam melaksanakan ranchangan2 dalam tahun 1971.

Tahun 1972 - Malaysia Barat

9. Berkenaan dengan ranchangan untok Malaysia Barat bagi tahun 1972, peruntukan sabanyak \$18 juta adalah di-kehendaki bagi pelajaran rendah. Ini adalah untok membena 1,135 bilek darjah dan kerja ini termasuk membena sekolah2 baru, menambah kemudahan2 di-sekolah2 yang sedia ada, dan menggantikan bangunan2 yang uzor di-luar bandar. Sebagaimana dalam tahun 1971, kemudahan2 lain seperti tandas, bekalan ayer dan letrik, pagar dan kantin akan di-adakan atau di-tambahkan. Bilangan penuntut di-sekolah2 rendah adalah di-anggarkan akan bertambah dari 1,457,698 pada tahun 1971 kepada 1,488,731 orang dalam tahun 1972.

10. Bagi sekolah menengah pula, 858 buah bilek darjah, 302 ma'amal sains, 48 ma'amal sains rumah tangga, 50 ma'amal seni perusahaan dan 63 buah bilek perpustakaan akan di-bena. Adalah di-anggarkan bahawa bilangan penuntut2 akan bertambah daripada 506,942 kepada 568,277

orang dalam tahun 1972. Dalam pelajaran menengah ini, Kementerian saya adalah menitikberatkan pelajaran sains dan teknologi sejajar dengan objektif2 Rancangan Malaysia Kedua. Adalah menjadi dasar Kementerian saya juga untuk mempersamakan, setakat mana yang boleh, kemudahan2 yang terdapat di-sekolah2 di-luar bandar dengan sekolah2 di-dalam bandar. Dengan tujuan ini bilangan ma'amal sains dan juga ma'amal seni perusahaan akan di-tambah bagi sekolah2 di-luar bandar.

11. Bagi menambahkan kemudahan untuk pelajaran menengah vokeshenal dan teknik, peruntukan sebanyak \$19.85 juta adalah di-pohonkan. Kementerian saya akan mendirikan bangunan tambahan kepada tiga buah sekolah vokeshenal dan dua buah sekolah teknik yang ada sekarang. Dengan bertambah-nya kemudahan ini akan dapatlah di-tambahkan lagi bilangan penuntut pada tiap2 tahun kepada sekolah2 ini. Peruntukan bagi pelajaran ini juga akan di-gunakan bagi menyempurnakan pembinaan kepada projek2 pinjaman Bank Dunia, ia-itu 6 buah sekolah vokeshenal dan 5 buah sekolah teknik. Pembinaan projek2 ini sabenar-nya adalah sedang berjalan sekarang.

12. Di-dalam lapangan latehan guru pula, peruntukan sebanyak \$869,500/- adalah di-pohonkan untuk mengadakan 3 buah ma'amal sains di-Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, membina satu belok asrama lagi di-Maktab Perguruan Teknik dan membina rumah2 guru di-Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim.

13. Peruntukan sebanyak \$4 juta adalah di-kehendaki bagi perkembangan pelajaran menengah lanjutan teknik. Peruntukan ini ialah untuk membina bangunan tambahan bagi Maktab Teknik dan Politeknik Ungku Omar. Dengan pembinaan bangunan2 tambahan ini maka kedua2 yayasan ini akan dapat mengambil lebih ramai lagi penuntut2 pada tiap2 tahun.

14. Bagi bidang pelajaran menengah lanjutan pertanian pula, \$6.5 juta adalah di-kehendaki. Peruntukan ini ialah untuk membina bangunan2 tambahan kepada Maktab Pertanian Serdang. Dengan chara perchantuman Maktab ini dengan Fakulti Pertanian Universiti Malaya, sebuah Universiti Pertanian akan bermula pada tahun 1973.

15. Sebanyak \$2.5 juta adalah di-pohonkan bagi Universiti Malaya untuk membina bangunan tambahan kepada Fakulti Sains dan bangunan Asrama Ketujoh dan juga untuk menyempurnakan pembinaan bangunan tambahan kepada Fakulti Pertanian dan Fakulti Kejuruteraan.

16. Mengenai Universiti di-Pulau Pinang, \$4.4 juta adalah di-kehendaki bagi membena bangunan sains, perpustakaan dan asrama penuntut.
17. Bagi Universiti Kebangsaan, \$2.5 juta yang di-pohonkan akan di-belanjakan untuk membeli alat2 kelengkapan Fakulti Sains, membena Perpustakaan dan bangunan tambahan.
18. Saperti tahun 1971, peruntukan sebanyak \$1.5 juta adalah di-kehendaki untuk memberi sumbangan bantuan modal kepada sekolah2 bantuan penoh bukan milek Kerajaan.
19. Peruntukan sebanyak \$2.1 juta adalah di-pohonkan untuk meneruskan pembenaan rumah2 guru di-luar bandar dan membena sebuah asrama khas bagi kanak2 buta di-Cheras.
20. \$3 juta adalah di-kehendaki untuk membena asrama2, terutamanya bagi penuntut2 luar bandar.
21. Akhir-nya di-Malaysia Barat, peruntukan adalah di-pohonkan untuk membena sebuah Pusat Pelajaran Sains di-Kuala Lumpur dan membeli alat2 kelengkapan-nya bagi memulakan pelajaran Talivishen ka-sekolah2.

Tuan Yang di-Pertua,

Sabah

22. Bagi Sabah peruntukan sebanyak \$3.5 juta adalah untuk meneruskan rancangan membena dan menambah sekolah2 rendah. Ini mengandongi 177 projek, di-antara-nya ialah termasuk 30 projek baru dan 147 projek sambongan. 241 bilek darjah dan 161 rumah guru di-jangka akan di-siapkan.
23. Bagi pelajaran menengah pula, \$5.9 juta akan di-belanjakan bagi menjalankan 16 projek, di-antara-nya 12 adalah projek sambongan manakala 4 adalah projek baru. Adalah di-jangkakan 97 bilek darjah, 25 ma'amal sains, 64 bilek darjah khas, 9 buah asrama dan 86 rumah guru akan siap di-bena.
24. Di-dalam bidang pelajaran teknik, \$1.3 juta di-kehendaki bagi membena bangunan tambahan kepada Sekolah Vokoshenal Likas dan persiapan bagi membena Sekolah Vokeshenal di-Sandakan dan Sekolah Vokeshenal di-Tawau. Sajumlah \$1.1 juta di-pohonkan juga bagi meneruskan pembenaan

• kapada Maktab Perguruan Sandakan, pembenaan rumah2 guru di-Maktab Gaya dan pembenaan bangunan tambahan kapada Native Voluntary Schools Teachers' Training Centre, Tuaran.

25. Akhir sekali bagi Sabah, ialah peruntokan sabanyak \$600,000/- bagi memulakan pembenaan kapada Maktab Rendah. Apabila Maktab ini siap kelak ia di-anggarkan akan dapat menampung 600 orang murid Tingkatan VI bagi negeri itu.

Sarawak.

26. Bagi Negeri Sarawak, peruntokan sabanyak \$6.9 juta adalah di-kehendaki bagi pelajaran menengah. \$6.5 juta daripada peruntokan tersebut adalah untok membena sekolah2 Kerajaan manakala \$367,000 ialah untok bantuan modal kapada badan2 pelajaran. Daripada 35 projek yang di-ranchangkan, 18 ialah projek sambongan dan 17 ialah projek baru. Adalah di-jangkakan bahawa 96 bilek darjah dan 13 ma'amal sains akan dapat di-bena.

27. Mengenai pelajaran rendah pula, \$1.7 juta adalah di-kehendaki sebagai bantuan kapada badan2 pelajaran (pelajaran rendah) di-dalam kawasan majlis2 daerah.

28. Dalam bidang pelajaran vokeshenal dan teknik, peruntokan sabanyak \$460,000 adalah di-pohonkan. Ini adalah untok satu bangunan tambahan bagi Sekolah Vokeshenal Kuching dan bagi persediaan untok mendirikan dua buah sekolah vokeshenal yang baru, ia-itu di-Sibu dan Miri.

29. Bagi latehan guru pula, bangunan tambahan akan di-bena di-Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching dan Maktab Perguruan Sibu.

30. Akhir sekali sabanyak \$100,000 adalah di-kehendaki bagi pinjaman kapada Badan2 Pengurus Sekolah untok membolehkan mereka membena bangunan tambahan dan memperbaiki kemudahan2 di-sekolah2.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan keterangan2 yang telah di-sebutkan itu saya pohon menchadangkan.



No Siri	618
No Penerimaan	11 / 84

Speech of the Honourable Minister of Education
in connection with the Development Budget of
the Ministry of Education, 1972

Mr. Speaker, Sir,

I beg to move that the sum of \$113.4 million under Development Head 18 and 19 in the Federal Budget 1972 stands part of the schedule.

Sir,

2. This total sum of \$113.4 million exceeds the 1971 provision by \$46.1 million. Out of this \$113.4 million, \$91.2 million is for West Malaysia, \$12.8 million and \$9.4 million are for Sabah and Sarawak respectively. Out of the total provision for Sarawak, a sum of \$100,000 is in the form of loans to Local Councils for the building of Schools.

Sir,

3. In introducing the programmes for 1972, I would first like to speak briefly on the progress achieved in the implementation of the 1971 development programmes of the Ministry of Education. I will deal with West Malaysia first.

West Malaysia

4. With regard to primary schools, based on the number of classrooms, 682 new classrooms were completed. This figure includes replacement of dilapidated schools in the rural areas and additional classrooms. Besides, other facilities like water and electricity, canteens, latrines, fencing and playing fields have also been increased or provided for schools, particularly those in the rural areas.

5. As regards secondary schools, my Ministry has completed 529 classrooms, 194 science laboratories, 46 domestic science laboratories, 26 industrial arts workshops and 42 libraries. 22 units of teachers quarters and 3 hostels for pupils from the rural areas have also been constructed.

6. In the field of teacher training, the work programme that has been carried out is in the construction ^{with} of lecture rooms in the Specialists Teacher Training Institute, Cheras and in the Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johore Bharu. A workshop at the Technical

Teacher Training Institute, Cheras has also been constructed.

Sabah

7. In the case of Sabah, a sum of \$1.75 million has been spent for expansion of additional facilities for primary and secondary schools in 1971. Besides, a sum of \$200,000 has been provided as grants for extension and continuation projects, and also for providing other facilities to Government-aided primary and secondary schools. A total of 185 classrooms in primary schools and 69 classrooms in secondary schools, 18 science laboratories and 51 teachers quarters have been completed.

Sarawak

8. In respect of Sarawak, 75 classrooms for primary schools were constructed while for secondary education 30 classrooms and 2 science laboratories were completed.

Mr. Speaker, Sir,

In brief those are the progress achieved with regard to 1971 programmes.

1972 - West Malaysia

9. In connection with 1972 programmes in West Malaysia, a provision of \$18 million is needed for primary education. This sum is required for the construction of 1,135 classrooms and this will include the building of new schools, the extensions of facilities in existing schools and the replacement of dilapidated buildings in the rural areas. As in 1971, other facilities like latrines, water and electricity, fencing and canteens will be provided or extended. The enrolment in primary schools is expected to increase from 1,457,698 in 1971 to 1,488,731 in 1972.

10. As regards secondary schools, 858 classrooms, 302 science laboratories, 48 domestic science laboratories, 50 industrial arts workshops and 63 libraries will be constructed. It is expected that the enrolment will increase from 506,942 to 568,277 pupils in 1972. In this field of secondary education, my Ministry is placing a special emphasis on science and technological education in keeping with the

objectives of the Second Malaysia Plan. It is also my Ministry's policy to equate the facilities, wherever possible, between that of the rural schools with those of the urban areas. In view of this, the number of science laboratories and industrial arts workshops will be increased in the rural schools.

Sir,

11. In order to expand the facilities of secondary vocational and technical education, a sum of \$19.85 million is being sought. My Ministry will build extensions to 3 existing vocational and 2 technical schools. By providing these extensions more students will be enrolled each year in these schools. The provision for this aspect of education will also be utilised for the completion of the construction of the World Bank projects, i.e. 6 vocational schools and 5 technical schools. In fact the construction of these projects is being carried out at this moment.
12. In the field of teacher training, a provision of \$689,500 is requested for the building of 3 science laboratories at the Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, the construction of an additional hostel at the Technical Teacher Training Institute and for the building of teachers quarters at the Sultan Idris Training College, Tanjong Malim.
13. A provision of \$4 million is required for the expansion of post secondary technical education. This provision is for the construction of extensions to Technical College and Ungku Omar Polytechnic. By building these extensions, both institutions will be able to take in more students each year.
14. In the field of post secondary agricultural education, \$6.5 million is being sought. This sum is needed for the extensions of the College of Agriculture, Serdang. With the integration of this College and the Faculty of Agriculture, University of Malaya, a University of Agriculture will begin in 1973.
15. A sum of \$2.5 million is being sought for the University of Malaya to meet the cost of the construction of extensions to the Faculty of Science and the building of the 7th Residential College and also to carry out the construction of extensions to the Faculties of Agriculture and Engineering.

16. As regards the Penang University, a sum of \$4.4 million is needed for the construction of a science building, a library and a students hostel.

17. As for the National University, a sum of \$2.5 million is required for the purchase of equipment for the Faculty of Science and the construction of a library and a building extension.

18. As in 1971, a provision of \$1.5 million is needed as capital grants to fully assisted schools non-Government owned.

19. A sum of \$2.1 million is being sought for continuing the building of rural teachers quarters and for the building of a special hostel for the blind, in Cheras.

20. A total of \$3 million is needed for the building of hostels, particularly for students in the rural areas.

21. Finally, for West Malaysia, a provision is also being sought for the building of an Educational Science Centre in Kuala Lumpur and for the purchasing of equipment for the Television education to schools.

Mr. Speaker, Sir,

Sabah

22. With regard to Sabah, a provision of \$3.5 million is needed for the continuation of construction programmes for additional primary Schools. These include 177 projects, out of which are 30 new projects and 147 continuation projects. 241 classrooms and 161 teachers quarters are expected to be completed.

23. As for secondary education, a sum of \$5.9 million will be spent for the construction of 16 projects, out of which 12 are continuation projects and 4 are new projects. It is expected that 97 classrooms, 25 science laboratories, 64 specialist rooms, 9 hostels and 86 teachers quarters will be completed.

24. In the field of technical education, a total of \$1.3 million will be needed for the building of new extensions to Vocational School, Likas and the preparation in the building of a Vocational School in Sandakan and a Vocational School in Tawau. A sum of \$1.1 million

is required to continue the building of the Teacher Training College, Sandakan, and also for the building of Teachers quarters in Gaya College and the construction of the extensions to Native Voluntary Schools Teacher's Training Centre, Tuaran.

25. Finally, for Sabah, a sum of \$600,000 is required to commence the construction of a Junior College. It is expected that once this college is completed it will accommodate 600 Sixth Form Students from all over the State.

Sarawak

26. As regards Sarawak, a provision of \$6.9 million is requested for secondary education. A sum of \$6.5 million from this provision is for the construction of Government schools, while \$367,000 is for capital grants to education agencies. Out of the 35 projects planned, 18 are continuation projects and 17 are new projects. It is expected that 96 classrooms and 13 science laboratories will be constructed.

27. With regard to primary education, a provision of \$1.7 million is needed in the form of grants to school boards (primary education) in the district council areas.

28. In respect of vocational and technical education, a sum of \$460,000 is being sought. The amount is for the construction of a new building for Vocational School, Kuching, and for the preparation in the building of 2 new vocational schools in Sibu and Miri.

29. As for teacher training, new extensions to the Teacher Training College, Batu Lintang, Kuching, and the Teacher Training College in Sibu will be constructed.

30. Finally, a total sum of \$100,000 is needed in the form of loans to School Managements to enable them to build extensions and repair of school.

Mr. Speaker, Sir,

With this brief explanation, I beg to move.



No Siri	618
No Penerimaan	11 / 84